

R GB 11-10 00183 BA080

aab

Mahathir - Wawasan (bergambar)

NEGARA PERLU LEBIH MAJU AGAR TIDAK IKUT TELUNJUK NEGARA MAJU

JOHOR BAHRU, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia perlu mengejar kemajuan untuk mengelakkan pergantungan kepada negara-negara maju yang akhirnya memaksa negara ini mengikut telunjuk mereka.

Perdana Menteri berkata negara-negara maju tidak mungkin menjadikan Malaysia sebagai tanah jajahan sekali lagi tetapi jika Malaysia mundur mereka secara tidak langsung boleh berbuat demikian dengan menyekat pertumbuhan negara sehingga negara terletak dalam kehinaan.

Oleh itu, semua rakyat tidak boleh berpuas hati setakat kemajuan yang dikecapi sekarang, sebaliknya terus berusaha mencari kemajuan dalam pelbagai bidang sejajar dengan Wawasan 2020, katanya semasa melancarkan Majlis Penghayatan Wawasan 2020 peringkat negeri Johor, di sini.

"Jika kita tidak berusaha untuk maju, kita akan tertinggal dan akan menghadapi nasib tidak baik, mungkin ditekan oleh negara-negara maju yang tidak mahu melihat kita hidup aman dan sempurna.

"Mereka tidak mungkin jadikan kita tanah jajahan semula tetapi secara tidak langsung mereka boleh berbuat demikian dengan menyekat pertumbuhan..." kata beliau. -- Lagi.

▼11/10/12-14MST

R GB 11-10 00168 BA081

aab

Mahathir - Wawasan 2 Johor Baharu

Beliau berkata semua pihak perlu sedar dengan apa yang berlaku di beberapa negara yang walaupun sudah merdeka tetapi ditekan oleh negara maju sehingga menuruti telunjuk negara maju.

"Ini kerana negara-negara berkenaan terpaksa meminta bantuan negara-negara maju ekoran mereka tidak maju dan akhirnya negara maju menekan mereka sehingga tidak boleh berbuat apa-apa dan hanya mengikut telunjuk," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Malaysia hari ini agak bebas sedikit dalam mengutarakan pendapat dengan lantang kerana negara tidak bergantung kepada bantuan dan sokongan pihak-pihak lain.

"Keadaan ini amat penting bagi kita sebab ia bermakna kita mempertahankan maruah. Apa guna jadi negara merdeka jika terpaksa tunduk kepada telunjuk orang lain," tanya beliau.

Dr Mahathir berkata negara dan rakyat perlu berusaha gigih untuk menjadikan negara maju menjelang tahun 2020 untuk memastikan negara menjadi lebih kuat dan kaya.

"Negara kaya akan lebih mampu mempertahankan diri malahan dapat menyalurkan bantuan kepada pihak lain," tambahnya. -- Lagi.

▼11/10/12-16MST

aab

Mahathir - Wawasan 3 Johor Baharu

Perdana Menteri berkata pada masa ini Malaysia tidak boleh melindungi secara langsung dalam usaha membantu umat Islam di Bosnia-Herzegovina kerana Malaysia bukanlah kuasa besar atau sederhana tetapi sekadar negara sedang membangun yang sedang bergerak maju.

"Hari ini, ketika orang Bosnia diserang, kita tidak boleh berbuat apa-apa. Kita boleh hantar askar ke sana tetapi askar kita tidak boleh melindungi secara langsung sebab kita bukan kuasa besar atau sederhana," kata beliau.

Oleh itu, beliau mengingatkan seluruh rakyat bahawa sesebuah bangsa akan dihina jika tidak mempunyai kemampuan dalam mempertahankan diri sama ada dalam bidang keilmuan, sains dan teknologi, pembuatan dan sebagainya.

Perdana Menteri berkata kemajuan yang dicari pula bukanlah untuk meniru kesemua perkara yang ada di negara maju kerana tidak semuanya baik.

"Berlaku kemerosotan dalam ekonomi dan moral di negara-negara maju. Ada yang tidak mampu bersaing dalam pasaran dengan negara-negara membangun manakala ada rakyat mereka pula tidak mempunyai pegangan agama lagi," kata beliau. -- Lagi.

OM MKO AZ

▼11/10/13-03MST

CNS4423

R GB 11-10 00104 BD273

aab

Mahathir - Wawasan 4 (Akhir) Johor Baharu

Beliau juga berkata 50 peratus daripada belia belasan tahun di United Kingdom terdiri daripada penagih dadah dan mereka juga tidak lagi berpegang kepada sistem kekeluargaan kerana tidak lagi percaya kepada sistem perkahwinan secara teratur.

Dr Mahathir sebaliknya berkata erti kemajuan yang mahu dibentuk oleh Malaysia ialah sebuah negara yang penuh ketertiban dengan rakyatnya berpegang kepada nilai-nilai yang mulia serta menganuti agama.

Selain itu, katanya, rakyat juga mempunyai kebolehan dalam bidang teknologi dan industri serta mampu bersaing dalam pelbagai bidang di arena antarabangsa. -- Bernama.

OM MKO AZ.